

**(DRAFT :v1)**

# **KENYATAAN AKHBAR**

## **CIDB – UPM Jalin Kerjasama Wujud Pusat Kecemerlangan Bagi Pembangunan Mapan**

**KUALA LUMPUR, 15 Disember:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi mewujudkan pusat kecemerlangan dalam peningkatan produktiviti mapan dan penghasilan inovasi dalam sektor pembinaan.

Ketua Eksekutif CIDB yang juga merangkap Pengerusi CIDB Holdings, Dato' Sri Prof Ir. Dr. Judin Bin Abdul Karim berkata, kolaborasi ini akan menjadi platform kepada kajian dan penyelidikan (R&D) melibatkan pembangunan mampan disamping memenuhi kebolehpasaran bahan binaan hijau dan keutamaannya dalam sektor pembinaan.

“Kolaborasi ini dilihat sangat penting kerana CIDB bukan sahaja boleh membantu dari segi penyampaian maklumat mengenai dasar atau polisi terkini yang melibatkan sektor pembinaan.

“Malah, menerusi R&D dan inovasi yang akan dibuat secara bersama antara CIDB dan UPM sudah pasti ia akan menjadi batu loncatan ke arah memperkasa industri pembinaan mampan di masa hadapan,” katanya selepas upacara menandatangani MoU bagi pihak CIDB Holdings manakala UPM di wakili Naib Canselor, Prof Dato’ Dr. Mohd Fauzi Hj Ramlan.

Hadir sama sebagai saksi MoU tersebut ialah, Ketua Pegawai Eksekutif CIDB Holdings, Sr. Abdul Latif Bin Hitam dan Dekan Fakulti Rekaan dan Arkitektur UPM, Prof. Lar. Dr. Osman Mohd Tahir.

Antara kandungan kerjasama CIDB dan UPM termasuklah;

- i. Kedua-dua pihak akan memberi sokongan penuh dan bersama-sama berusaha dalam penubuhan Pusat Kecemerlangan bagi merangsang peningkatan produktiviti mampan dan mewujudkan inovasi untuk industri pembinaan di Malaysia dan serantau;
- ii. Pertukaran dan bersama-sama membangunkan modal insan dan akademik yang menjadi amalan maju dalam R&D dan global;

- iii. Mengenal pasti, membangun, melaksana dan mempamerkan projek-projek perintis dan infrastruktur yang berkaitan serta bahan-bahan hijau dan teknologi baru untuk memajukan amalan latihan R&D dan global ke arah pembangunan Bandar Pintar;
- iv. Mempromosi dan menggalakkan kerjasama antara ahli akademik dan industri dalam pendidikan HR disamping menyediakan amalan dan latihan serta R&D ke arah pembangunan mapan;
- v. Melaksanakan projek-projek bersama dalam R&D dan inovasi disamping pengkomersilan pembangunan Bandar Pintar Lestari, penggunaan bahan-binaan hijau dan teknologi baru; dan
- vi. mana-mana kerjasama lain yang mendapat persetujuan bersama antara kedua-dua pihak.

\*\*\*\*

---

## **Mengenai CIDB**

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---

### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Rakis Santa : [rakis@cidb.gov.my](mailto:rakis@cidb.gov.my) 03-4047 6272 / 012-6200 360

Noryani Ismail : [noryani@cidb.gov.my](mailto:noryani@cidb.gov.my) 03-4047 7027 / 019-285 6867